

Kerajaan MADANI segera tunaikan janji PRN17 Sabah

Putrajaya: Kerajaan MADANI berjanji memulakan usaha menunaikan semua janji yang dibuat ketika kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyuatkan apa yang dijanjikan.

Katanya, perkara itu dimak-

lumkan kepada rakyat Sabah kelmarin ketika beliau berada di negeri itu.

“Dan saya sebut di situ, pilihan raya sudah berlalu, tanggungjawab kita menyuatkan apa yang kita janjikan. Ini berbeza, orang politik dan pimpinan politik berjanji sebelum pilihan raya dan meninggalkan janji itu.

“Kita janji dalam tempoh seminggu kita turun, menetapkan kaedah pelaksanaan. Di sana masih terbelenggu masalah api, air dan jalan.

“Oleh itu, kita tetapkan supaya bulan ini juga ada mesyuarat penyalarsan memantau pelaksanaan. Kalau ada 250 projek utama, maka mesti dipantau setiap projek itu, mesyuarat setiap

bulan antara Persekutuan dan negeri dan ini jadi contoh terbaik yang boleh kita lakukan untuk melaksanakan kata-kata kita,” katanya pada program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku, di Dataran Putrajaya, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri memberi jaminan Projek Lebuhraya Pan Borneo

akan diteruskan dengan teratur dan mengikut jadual.

“Pan Borneo di mana RM6.9 bilion untuk Sabah dan RM6 bilion untuk Sarawak itu akan diteruskan dengan lebih teratur.

“Tahniah... sudah beres dengan jayanya di Sarawak dan kita setuju untuk berikan laluan *red line* tambahan ke Sarawak dan ke Sabah,” katanya.